

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos/September 1998**

**HKT 501 Teori Dan Kritikan Sastera**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN  
DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan. **DUA** [2] soalan dari Bahagian A dan **DUA** [2] dari Bahagian B.

**Bahagian A:**


1. Golongan Formalis berpendapat, kajian ke atas teks sastera harus dilihat berasaskan sifat kesasteraan (literariness), manakala golongan Pengkritik Baru merancangkan satu pembacaan yang bersifat “bacaan-dekat” (close-reading).

Dengan mengambil contoh-contoh karya yang bersesuaian, bincangkan perkataan dan persamaan pendapat golongan-golongan tersebut yang telah berjaya membentuk satu aliran pemikiran positivistik dengan menyingkirkan kuasa dan hak pengarang ke atas teksnya lalu menghadirkan teks sebagai autonomous.


2. Apa yang anda fahamkan dengan model androsentrik? Pada pandangan anda sejauh manakah teori “feminist critique” dan “gynocriticism” yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter dapat menyerlahkan pengalaman wanita (women’s experience) dan persaudaraan wanita (sisterhood) sebagai intipati utama dalam wacana sastera wanita.

3. Telitikan gambarajah I dan II, dan fahamkan pernyataan berikut:

**Gambarajah I**



**Gambarajah II**



Kedua-dua gambarajah ini menunjukkan hubungan di antara dunia penulis, dunia pembaca dan dunia teks yang disebut sebagai cosmoi. Ketiga-tiga dunia ini menggabungkan peranan fantasi, ilusi dan imaginasi yang disebut kuasi-realiti.

- [a] Dengan menggunakan gambarajah I dan II serta pernyataan tersebut, jelaskan bagaimana Alam Semesta memainkan peranan penting untuk mewujudkan perhubungan di antara ilham, penulis dan penulisan.
- [b] Watak aku dalam cerpen “Sunat” dan watak Sdr. T dalam cerpen “Kalbu” memiliki *delusion of phantansy* yang dikuasai sepenuhnya oleh id tetapi tidak ditapis oleh proses pemindahan yang akhirnya menghasilkan *unconscious phantasy*.

Dengan menggunakan topografi pemikiran Freud, perlihatkan bagaimana berakhirnya impian watak-watak tersebut.

4. Hermeneutik ontologikal dianggap sebagai penawar kepada hermeneutik keraguan. Bincangkan kriteria khusus dan apakah istimewanya hermeneutik ontologikal ini dalam konteks masyarakat Timur. Perbincangan anda perlu disertakan dengan contoh-contoh karya yang sesuai.

**Bahagian B:**

5. Bincangkan perkembangan teori kritis dan implikasinya ke atas kajian kesusasteraan. Berikan penilaian anda terhadap perkembangan ini.
6. Historisisme baru menolak andaian bahawa teks mencerminkan satu gambaran pandangan hidup yang jelas, bersatu dan padu. Bincangkan.
7. Hilangnya identiti dan runtuhnya tembok di antara teks sastera dengan teks budaya popular telah menimbulkan saranan supaya perubahan dilakukan agar kajian sastera menjadi kajian budaya. Kemukakan hujah-hujah yang kritis bagi memperkuat saranan itu berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
  - [ i] Sistem tanda.
  - [ ii] Ideologi.
  - [iii] Struktur naratif.
8. Merujuk kepada cerpen yang bertajuk “Telor” karya Putu Wijaya, bincangkan cara bacaan dekonstruksi dan implikasi cara bacaan ini kepada masa depan penerimaan karya sastera.